



جَابَتَانِ مُفْتِي نَغْرِي سِلَانْغُورِ

JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR



*Garis
Panduan*

**PEMINDAHAN
KUBUR**
NEGERI SELANGOR



ISI KANDUNGAN

<u>TAJUK</u>	<u>SURAT</u>	<u>MUKA</u>
SEKAPUR SIRIH		2
PENDAHULUAN		4
MAKSUD PINDAH KUBUR		6
HUKUM & SEBAB YANG MEMBOLEHKAN GALI SEMULA DAN PINDAH KUBUR		6
PROSEDUR PERMOHONAN PEMINDAHAN KUBUR NEGERI SELANGOR		8
TATACARA PEMINDAHAN KUBUR		10
FATWA PEMINDAHAN KUBUR		15



SEKAPUR SIRIH

SAHIBUS SAMAHAH
DATO' SERI UTAMA DIRAJA
MUFTI SELANGOR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Segala puji kehadiran Allah S.W.T serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w yang menjadi cermin keteladanan buat ummah sepanjang zaman, serta kepada seluruh keluarga baginda, para sahabat mereka yang senantiasa mengikut jejak Baginda hingga ke hari perhitungan kelak.

Alhamdulillah saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T di atas nikmat hidayah dan izinNya Jabatan Mufti Negeri Selangor telah berjaya menghasilkan Garis Panduan Pemindahan Kubur Negeri Selangor. Diharapkan dengan penghasilan garis panduan ini, ianya akan menjadi panduan kepada seluruh masyarakat Negeri Selangor khususnya berkaitan prosedur dan tatacara pemindahan kubur di negeri ini.

Sekalung penghargaan dan tahniah saya kepada Ashabul Fadhilah Dato'-dato' serta Ahli-ahli Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor sebelum ini di atas curahan ilmu dan kepakaran masing-masing dalam penghasilan fatwa yang mantap dan selaras keperluan semasa umat Islam. Justeru, sumbangan dan bakti ilmu ini telah merungkai pelbagai persoalan dan permasalahan yang berlaku di dalam masyarakat yang memerlukan panduan untuk keselamatan hidup di dunia dan akhirat.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih dan syabas saya tujukan kepada para petugas dan urusetia yang terlibat sama ada secara lansung atau tidak lansung dalam proses pembukuan garis panduan ini. Semoga amal bakti dan keringat yang dicurahkan diterima sebagai amal soleh yang akan memberatkan neraca timbangan di akhirat kelak.

Akhir kata, semoga melalui penerbitan garis panduan ini dapat memberikan sedikit sebanyak manfaat dan dijadikan sebagai sumber rujukan kepada masyarakat khususnya di Negeri Selangor dan Malaysia amnya. Segala keculasan dan kekurangan yang berlaku dalam penerbitan garis panduan ini pohon dimaafkan dan sedia menerima teguran dan nasihat.

Sekian, wassalam.

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD WAHID

SSIS., DPMS., PPT.

Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor

12
13

PENDAHULUAN

Terdapat beberapa peristiwa berkaitan memindahkan kubur. Antaranya adalah peristiwa pemindahan kubur lama yang terdapat di kawasan yang akan dijadikan Masjid Nabawi. Peristiwa ini disebut di dalam sebuah hadis panjang yang antara lain berbunyi:

عن أنس بن مالك..... يا بني النجارِ ثامنوني بحائِطِكُمْ هذا. قالوا: لا والله، لا نطلبُ ثمنَهُ إلا إلى الله، فقال أنسٌ: فكان فيه ما أقولُ لكم، قبورُ المشركين، وفيه خربٌ، وفيه نخْلٌ، فأمر النبيُّ صلى الله عليه وسلم بقبورِ المشركين فُنُشِثَتْ، ثم بالحَرْبِ فَسَوِّتَتْ، وبالنخْلِ ففُطِيعَ،.....

(رواه البخاري)

Maksudnya:

Dari Anas Bin Malik R.A berkata: Bersabda Rasulullah SAW "Wahai suku Najjar, sebutkanlah kepadaku berapa harga kebun kamu ini." Mereka menjawab : "Tidak, demi Allah kami tidak meminta harganya melainkan daripada Allah." Anas berkata: "Sepengetahuanku di dalam kawasan kebun ini terdapat kubur kaum musyrikin, bekas-bekas runtuhan dan pokok-pokok kurma". Kemudian Baginda Nabi Muhammad SAW mengarahkan supaya kubur-kubur itu dibongkar, serta bekas runtuhan itu diratakan dan pokok-pokok itu ditebang"

(Riwayat Bukhari)

Selain itu ada juga kuburan para sahabat yang dibongkar dan dipindahkan ke tempat lain, di antaranya ialah:

Ketika mengulas pendapat Abu Abdullah az-Zubairi yang mengatakan boleh memindahkan kuburan jika dilalui air atau keadaan tanahnya lembab, Imam Nawawi Rahimahullah berkata:

Ertinya: "Pandangan az-Zubairi itu lebih ashah kerana di dalam Shahih al-Bukhari telah sabit daripada Jabir bin Abdullah Radhiallahu 'anhuma bahawa dia mengubur bapanya dalam satu kuburan bersama lelaki lain ketika terjadi Perang Uhud. Jabir berkata: " Hati saya tidak senang membiarkan dia dikubur bersama orang lain itu, maka saya keluarkan dia (mayat ayah itu) setelah berlalu enam bulan, ternyata keadannya masih seperti ketika saya menguburkannya dahulu kecuali ada kerosakan kecil pada daun telinganya. (Dalam satu riwayat lain juga oleh Imam al-Bukhari disebutkan): "Saya mengeluarkan dan memindahkannya ke kuburan sendiri." Di dalam kitab al-Ma'arif Ibnu Qutaibah dan lain-lain menyebutkan bahawa Talhah bin Ubaidillah (salah seorang daripada sepuluh orang yang dijamin syurga) telah dikubur selama tiga puluh tahun.

Kemudian puterinya Aisyah bermimpi melihat Talhah mengadu kuburnya ditakungi air, lalu Aisyah menyuruh supaya kubur itu digali semula, dan dia pun dikeluarkan dalam keadaan masih baik lalu dikuburkan di kampungnya di Bashrah". (al-Majmu': 5/273)

MAKSUD PINDAH KUBUR

Memindahkan kubur bererti mengalihkan kubur daripada satu tempat ke satu tempat yang lain dengan sebab- sebab tertentu.

HUKUM & SEBAB YANG MEMBOLEHKAN GALI SEMULA DAN PINDAH KUBUR

Hukum menggali semula dan memindahkan kubur orang Islam adalah **haram**, melainkan atas sebab-sebab yang diperakui dan di benarkan oleh syarak seperti berikut :-

- a) Dikebumikan di tanah perkuburan orang bukan Islam.
- b) Tidak dimandikan atau ditayamumkan.
- c) Tidak menghadap kearah kiblat.
- d) Tidak dikafankan atau dikafankan dengan kain yang digunakan secara tidak sah seperti dicuri, kain sutera dan lain-lain.
- e) Dikebumikan bersama dengan harta orang lain atau hartanya yang boleh dipusakai dan harta tersebut dituntut empunya.
- f) Dikebumikan di tanah persendirian.
- g) Dikebumikan di tanah yang dikhuatiri susut atau terhakis seperti di tebing sungai atau lereng bukit.
- h) Dikebumikan di tanah yang akan dimajukan oleh pihak berkuasa untuk maslahat umum seperti membuat jalan raya.
- i) Dikebumikan di tanah lumpur yang digenangi air banjir atau terkena bencana.

- j) Jenazah wanita yang mengandung enam bulan, dan di yakini kandungannya masih hidup
- k) Perlu dijadikan bahan kes dalam mahkamah bagi kemaslahatan umum
- l) Keuzuran lain yang dibenarkan syarak

SEBELUM PELAKSANAAN

PERMOHONAN PEMINDAHAN KUBUR HENDAKLAH DI AJUKAN KE JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

MENERIMA PERMOHONAN KEBENARAN PEMINDAHAN KUBUR

MENJALANKAN SIASATAN

KEPUTUSAN PERMOHONAN

A

PROSEDUR PERMOHONAN PEMINDAHAN KUBUR DI NEGERI SELANGOR

TERIMA PERMOHONAN :-

- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menerima dan membuat semakan permohonan.

MENJALANKAN SIASATAN :-

- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menjalankan siasatan seperti berikut:-
 - Sebab Pemindahan
 - Lokasi Kubur.
 - Status Hak Milik Tanah.
 - Bilangan Kubur.
 - Disahkan sebagai Kubur orang Islam.
- Hasil siasatan dikemukakan kepada Jabatan Mufti Selangor untuk membuat keputusan.

DI LULUSKAN


KELUAR SURAT KEBENARAN :-

- Jabatan Mufti Selangor memaklumkan keputusan kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).
- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mengeluarkan surat kebenaran kepada pemohon.
- Surat Kebenaran Memindahkan Kubur meliputi perkara berikut :-
 - Pematuhan Kaedah Pemindahan Kubur mengikut Syarak.
 - Kenalpasti pihak yang terlibat dalam pemindahan kubur.
 - Mengenalpasti waris melalui hebahan di masjid-masjid kariah berhampiran.
 - Mengenal pasti dan mendapat kebenaran lokasi pemindahan kubur yang baru.
 - Menentukan tarikh pemindahan kubur.

TIDAK DILULUSKAN

- Surat makluman dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) kepada pemohon sebab tidak diluluskan dan cadangan penyelesaian.

SEMASA PELAKSANAAN



PIHAK TERLIBAT :-

- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) memastikan pihak yang terlibat sahaja dibenarkan berada di tapak kubur berdasarkan keperluan kes.
- Pihak terlibat adalah:-
 - i. Wakil Jabatan Mufti Selangor.
 - ii. Wakil Jabatan Agama Islam Selangor.
 - iii. Wakil Pejabat Agama Islam Daerah.
 - iv. Anggota Polis (jika perlu).
 - v. Ketua Kampung.
 - vi. Nazir Masjid.
 - vii. Pemilik Tanah.
 - viii. Petugas yang memindahkan kubur.
 - ix. Waris Simati.

Tatacara Pemindahan Kubur Islam

1. Kenal pasti tapak kubur lama & baharu yang telah disahkan oleh pihak berkuasa.



Kubur Lama



Kubur Baharu

2. Membersihkan kawasan lokasi pemindahan kubur sebelum kerja-kerja pemindahan dilakukan.



Proses Penandaan Kubur Yang Telah Dikenal Pasti Untuk Di Pindahkan

3. Tumpukan satu atau beberapa hari untuk kerja-kerja pemindahan kubur sahaja dan tiada kerja-kerja sampingan yang lain.
4. Keseluruhan proses penggalian/pemindahan kubur hendaklah di pantau oleh pihak berkuasa agama.

Penyediaan Kubur Baru

1. Kenal pasti tapak kubur baharu yang telah disahkan oleh pihak berkuasa.
2. Menentukan arah kiblat bagi lokasi tanah perkuburan tersebut.



Proses Penentuan Arah Kiblat Akan Dilaksanakan Oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor

3. Bagi jenazah yang masih kekal jasadnya, kuburnya anggaran berukuran 6 kaki dalam, 7 kaki panjang, 4 kaki lebar. Manakala bagi jenazah yang telah hancur atau tinggal tulang berukuran 4 kaki dalam, 7 kaki panjang, 3 kaki lebar.



4. Boleh ditanam satu atau beberapa jenazah dalam satu liang mengikut ukuran panjang jenazah.



Contoh Liang Lahad Yang Berasingan

Penggalian Kubur Lama

1. Digalakkan memulakan kerja dengan bacaan doa.
2. Bagi menghormati jenazah kerja-kerja penggalian hendaklah dilakukan secara tertib.
3. Penggalian kubur boleh di mulakan dengan menggunakan jengkaut (excavator) pada kedalaman 3 kaki bagi mengelakkan terkena jenazah yang masih sempurna. Manakala seterusnya bolehlah menggunakan cangkul atau seumpamanya.



Excavator



Cangkul

4. Sediakan sekurang-kurangnya sehelai kain kapan bagi setiap jenazah.
5. Kutip dan kumpul semua tulang dan tanah yang boleh disifatkan sebagai jasad si mati.




Tulang Jenazah Perlu Dikutip Dengan Teliti




Serpihan Tulang Yang Telah Bercampur Tanah

6. Antara sifat tanah yang boleh dikenalpasti sebagai jasad yang telah hancur adalah seperti berikut :-
 - i. tanah berwarna gelap
 - ii. tanah tidak mampat dan lebih halus daripada tanah asal
 - iii. bau tanah
 - iv. Tanah yang berwarna gelap kehijauan dipercayai tahi cacing yang memakan daging manusia juga di kira sebahagian dari jasad

7. Susun anggota si mati di atas kain kapon mengikut tertib daripada kepala hingga ke kaki.



8. Tandakan bahagian kepala dengan mengikat bahagian leher ketika mengkapankan semula.



9. Barang berharga yang ditemui bersama dengan jenazah seperti gigi emas, duit, emas atau seumpamanya hendaklah diserahkan kepada warisnya.
10. Bagi menyempurnakan keseluruhan proses pemindahan ini, digalakan membaca doa kepada si mati.

FATWA PEMINDAHAN KUBUR

- Muzakarah jawatankuasa **Fatwa Majlis Kebangsaan** Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-8 yang bersidang pada 24-25 Ogos 1984 telah memutuskan bahawa:

"Pemindahan mayat dari satu negeri ke satu negeri yang lain adalah harus sekiranya keadaan memerlukan (darurat) tetapi mestilah dipastikan si mati dipindahkan dalam keadaan yang baik dan sempurna".

- **Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor** bertarikh 19 April 1986 memutuskan bahawa :

*Hukumnya **harus (boleh)** memindahkan kubur orang Islam yang terlibat dari tanah perkuburan tersebut ke tanah perkuburan yang lain untuk pembesaran^{an} jalan dengan syarat jika mayat-mayat dalam kubur yang hendak dipindahkan itu sudah hancur sama sekali, jika sekiranya mayat-mayat yang terlibat belum hancur jasadnya, maka hukumnya haram menggali dan memindahkan ke tempat lainnya".*

Terbitan:



Jabatan Mufti Selangor,
Tingkat 7 & 8,
Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Telefon : 03-55143738
Fax : 03-55197584